

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/282857439>

# PERKAHWINAN ETNIK KADAZAN DUSUN TRADISIONAL SUATU PERJALANAN ADAT

Conference Paper · October 2015

CITATIONS

0

READS

24,110

3 authors, including:



**Minah Sintian**

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

39 PUBLICATIONS 29 CITATIONS

[SEE PROFILE](#)

Some of the authors of this publication are also working on these related projects:



Research Grant Top Down KPT Code: 2016 [View project](#)



Pengetahuan Lokal Masyarakat Kadazandusun dalam Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam [View project](#)

# PERKAHWINAN ETNIK KADAZAN DUSUN TRADISIONAL

## SUATU PERJALANAN ADAT

Minah Sintian  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan  
Email: minahsintian@fbk.upsi.edu.my  
Tel: 011 11838551

### Abstrak

Masyarakat Kadazan Dusun tradisional yang lahir dalam budaya kolektif membina perjalanan hidup dalam lingkaran adat istiadat tersendiri. Perkahwinan merupakan salah satu perjalanan hidup yang panjang bagi kedua-dua mempelai dan semestinya perkahwinan tersebut diraikan dengan penuh adat istiadat. Masyarakat Kadazan Dusun mempercayai bahawa perkahwinan itu adalah suatu yang sakral. Justeru, kesakralannya harus dijalankan menurut adat istiadat turun-temurun bagi memastikan kehidupan berumah tangga itu membawa kesejahteraan kepada semua pihak baik kepada pasangan yang berkahwin mahu kepada ahli keluarga kedua-dua belah pasangan tersebut. Perkahwinan beradat juga perlu dipancarkan kepada komuniti sekitar bagi mengelakkan sebarang 'kepanasan'. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti adat istiadat yang berunsur sakral dalam perkahwinan etnik Kadazan Dusun. Kajian ini menggunakan kaedah lapangan dengan menemu bual beberapa responden dan kaedah pustaka bagi menjelaskan objektif kajian. Penyelidik juga membataskan kajian ini kepada beberapa subetnik Kadazan Dusun di beberapa kawasan tertentu. Penyelidik memfokuskan kajian dalam adat '*mongoi panau*' atau rombongan menjemput pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki dan adat '*miohon do pinisi*' atau bertukar nasi kepal bagi menyerlahkan kesakralan perkahwinan masyarakat Kadazan Dusun. Kedua-dua upacara tersebut ditandai dengan puisi-puisi tradisional yang dilagukan iaitu '*tondiadi*' semasa '*mongoi panau*' dan bacaan '*rinait*' atau mantera semasa '*miohon pinisi*'. Diharapkan kertas kerja ini dapat membantu meningkatkan kefahaman silang budaya dalam masyarakat berbilang etnik dan kaum di Malaysia.

Kata Kunci : Perkahwinan, etnik Kadazan Dusun, adat '*mongoi panau*', adat '*miohon pinisi*'

### Pendahuluan

Sebagai mana diungkapkan oleh Rutter (1985), upacara perkahwinan masyarakat pagan di Borneo Utara semasa pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara adalah berdasarkan *civil contract*. Upacara sedemikian hanya menampakkan sedikit atau tiada hubungan langsung dengan signifikan keagamaan dan diamati, tidak ada bersifat sumpah seperti dalam upacara keagamaan.

Rutter mengandaikan upacara perkahwinan itu hanyalah *simple affair* sahaja. Contohnya, mempelai dari etnik Rundum Murut hanya berpegang tangan, dan menari dengan di kelilingi oleh sanak saudara dan para tetamu yang menyanyi. Mempelai tersebut kemudian masuk ke dalam bilik dan makan bersama. Upacara perkahwinan selesai setelah mempelai itu bergabung semula dengan para tetamu dalam acara minum tapai. Benarkah perkahwinan itu suatu urusan yang begitu mudah? Menurut kepercayaan tradisional Afrika, perkahwinan dalam masyarakat mereka merupakan lebih daripada perjanjian antara seorang lelaki dengan seorang wanita untuk hidup bersama. Perasaan setia dan semangat kerjasama yang kuat perlu dijalinan untuk mengukuhkan ikatan keluarga yang erat selain daripada platform untuk mendapatkan anak dan memperoleh lebih ramai sanak saudara (Ensiklopedia Dunia, 2001:88).

Masyarakat Kadazan Dusun yang tinggal di perkampungan memegang kuat pada adat dalam semua aspek kehidupan mereka termasuklah perkahwinan sebagai mana dinyatakan oleh Ranjit Singh (1981):

*Dusun village life hinged on the adat which encompassed all activity ranging from marriage, inheritance, crime to economic activity (hlm.89)*

Ahli sosiologi Rumania Mircea Eliade dalam bukunya *The Sacred and the Profane* (1957) yang dipetik dalam Pals (1996), mempunyai pandangan tersendiri berhubung dengan kehidupan manusia purba atau orang pada masa kini yang hidup dalam masyarakat suku dan kebudayaan rakyat pedalaman. Eliade membahagikan kehidupan itu kepada dua bidang yang berbeza iaitu bidang yang profan dan bidang yang sakral. Bidang profan meliputi urusan setiap hari, perkara-perkara biasa, tidak disengaja dan pada umumnya tidak penting sementara bidang sakral adalah sebaliknya. Bidang sakral merangkumi wilayah supernatural, hal-hal yang luar biasa, mengesankan dan penting. Urusan yang sakral itu mempunyai keteraturan dan kesempurnaan. Penerangan Eliade itu sedikit sebanyak dapat membezakan urusan kehidupan masyarakat Kadazan Dusun yang berbentuk profan dan sakral terutama dalam konteks perkahwinan.

Istilah perkahwinan dan adat mempunyai pelbagai definisi secara konseptual. Ensiklopedia Malaysia Jilid 10 (1996:244), mendefinisikan perkahwinan sebagai ikatan lahir di antara dua orang, lelaki dan perempuan untuk hidup bersama di dalam sebuah rumah tangga di

samping melahirkan zuriat sebagai penerus kelangsungan hidup manusia menurut batas-batas hak dan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh syarak. Adat pula diertikan sebagai bentuk tingkah laku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegitu lama sehingga menjadi satu tradisi (Ensiklopedia Malaysiana Jilid 1, 1996:119). Adat sebagai upacara pula merangkumi segala perbuatan, kegiatan, peralatan, acara, dan perlakuan yang teratur dan tersusun berkait dengan makna kesucian atau kekudusan dalam sesuatu kepercayaan (hlm. 119). Upacara atau adat istiadat termasuk segala kegiatan kudus dalam setiap peringkat edaran hidup manusia daripada kelahiran hingga kematian (hlm. 120). Ensiklopedia Global Jilid 18 (2001:5-6), mentafsirkan adat sebagai peraturan yang sudah diamalkan turun temurun dalam sesuatu masyarakat sehingga menjadi hukum dan peraturan yang harus dipatuhi; cara yang sudah menjadi kebiasaan, sifat, kebiasaan; (mantik) perkataan atau lafaz yang tidak dapat memberikan pengertian secara bersendirian. Rumusnya, adat itu suatu sakral yang mempunyai hubungan dengan kepercayaan masyarakat yang mengamalkannya dan diperturunkan kepada kepada generasi seterusnya.

Sejak kewujudan etnik Kadazan Dusun di bumi Borneo sekitar 4,000 S.M (Charuruks & Padasian, 1992, yang dipetik dalam Low, 2005), mereka telah pun mengasosiasikan kehidupan animisme dengan segala adat istiadat yang diajar oleh ibu bapa mereka sejak kecil lagi. Segala tingkah laku dan amalan masyarakat mereka mempunyai hubungan dengan makhluk hidup dan *supernatural*. Dayu (2008:80-81), menyatakan bahawa adat istiadat menjadi panduan hidup masyarakat Kadazan Dusun sepanjang hayat mereka. Mereka harus memahami segala jenis pantang larang, adat resam, kepercayaan keagamaan, tatasusila, dan undang-undang atau hukum adat sebagai bekalan menjadi anggota masyarakat yang berguna. Berdasarkan pernyataan Dayu, etnik Kadazan Dusun telah menerap nilai-nilai murni dalam sistem perundangan, kepercayaan, sosial dan ekonomi mereka mengikut acuan kearifan lokal mereka pada konteks itu. Perkahwinan sebagai asas pembentukan masyarakat menitik beratkan upacara adat untuk kelanjutan keturunan masyarakat yang diwakilinya. Justeru, kertas kerja ini akan mengupas beberapa upacara beradat dalam perkahwinan etnik Kadazan Dusun tradisional sebagai simbolik perjalanan kehidupan yang diberkati.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. mengenal pasti adat *mongoi panau* atau rombongan menjemput pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki dalam perkahwinan etnik Kadazan Dusun.
2. meneliti adat *miohon pinisi* atau bertukar nasi kepal dalam perkahwinan etnik Kadazan Dusun.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual bersemuka jenis tidak berstruktur antara penyelidik dengan beberapa informan yang pernah mengalami upacara perkahwinan tradisional masyarakatnya. Selain itu, pengkaji juga membuat kajian pustaka untuk mendapatkan maklumat bagi memahami kajian. Pengkaji meneliti sumber bercetak seperti buku-buku, ensiklopedia dan kerja kursus pelajar Program Minor Bahasa Kadazan Dusun dan sumber elektronik seperti internet untuk memahami kajian. Kajian ini terbatas di beberapa buah tempat iaitu di daerah Penampang dan di daerah Ranau seperti Kg. Bundu Tuhan, Kg. Kinasaraban, dan Kg. Kombiroi Timbua.

## **Perkahwinan Masyarakat Kadazan Dusun Tradisional**

Perkahwinan pasangan Kadazan Dusun tradisional merupakan restu daripada ibu bapa dan keluarga kedua-dua pihak lelaki dan perempuan. Mereka disatukan atas dasar persetujuan kedua-dua ibu bapa kerana ibu bapalah yang memilih jodoh untuk anak-anak mereka. Apabila jodoh ditentukan oleh ibu bapa, segala urusan upacara dan perbelanjaan semasa merisik, bertunang dan berkahwin akan disediakan oleh ibu bapa sendiri. Anak-anak yang hendak dikahwinkan hanya mengetahuinya apabila tarikh perkahwinan semakin hampir. Masyarakat Kadazan Dusun hanya membenarkan perkahwinan yang tidak mempunyai talian persaudaraan (Pugh, 2012; Arena, 1978). Penglibatan ibu bapa dalam menentukan jodoh anak-anak mempunyai signifikan dalam mencegah perkahwinan dalam satu susur-galur keluarga daripada berlaku. Perkahwinan dalam

satu susur-galur keturunan dianggap sumbang *mintarom*<sup>1</sup> boleh mendatangkan malapetaka *kepanasan* kepada suami-isteri, keluarga dan masyarakat di tempat itu (Arena, 1978). Situasi sebegini seiring dengan perspektif Durkheim ahli sosiologi Perancis yang melihat kepentingan masyarakat lebih tinggi berbanding individual; agama dan masyarakat sebagai tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya saling melengkapi (Durkheim, 1996). Arena (1978), menjelaskan bahawa masyarakat Kadazan Dusun tradisional meskipun digelar ‘pagan’ atau tiada agama namun hakikatnya mereka mempunyai agama *polytheis*. Raymond (1997), pula mengatakan bahawa masyarakat Kadazandusun tradisional menganuti kepercayaan animisme. Meskipun masyarakat Kadazan Dusun mengamalkan kepercayaan *polytheis* atau animisme, dalam aspek perkahwinan mereka melihatnya sebagai suatu yang sakral. Ketidakpatuhan terhadap adat istiadat yang telah ditentukan sebagai norma masyarakat bukan sahaja akan mengundang bencana kepada pasangan bahkan kepada keluarga dan seluruh masyarakatnya.

### ***Adat Mongoi Panau***

Adat *mongoi panau* merupakan upacara perkahwinan yang signifikan dengan hubungan persaudaraan antara dua keluarga mempelai yang akan berkahwin. Menurut Henry (2014), secara gramatikalnya, *mongoi panau* bermaksud rombongan pergi menjemput pengantin perempuan diarak ke rumah pengantin lelaki. Beberapa rombongan lelaki datang ke rumah pengantin perempuan untuk tujuan menjemput pengantin tersebut ke rumah lelaki. Bagi pasangan yang tinggal dalam kampung yang berdekatan, rombongan tersebut hanya berjalan kaki sahaja. Masyarakat subetnik Dusun Labuk di Telupid dan Beluran menggunakan perahu berhias untuk ke rumah pengantin perempuan memandangkan sungai merupakan jalan pengangkutan utama pada ketika itu (Heffuoney, 2014). Dalam adat *mongoi panau* tersebut, terdapat upacara *polintuhun* atau mengizinkan anak gadis mereka dikahwini lelaki pilihan akan diadakan. Upacara *polintuhun* merupakan fasa bagi melambat-lambatkan anak gadis mereka berangkat ke tempat keluarga lelaki. Upacara ini sebagai simbolik keluarganya akan berasa kehilangan anak gadisnya.

Dalam masyarakat Kadazan Dusun, anak perempuan sangat bernilai dan sumber harta ibu bapanya. Semasa pertunangan, *nopung* atau berian/hantaran kahwin akan ditentukan. Umumnya,

---

<sup>1</sup> kata dasar ‘*tarom*’ yang bermakna tajam, atau runcing; sumbang mahram

masyarakat Kadazan Dusun meminta pihak lelaki memberi *nopung* berupa gong jenis *sanang* kepada keluarga perempuan (Pugh, 2012). Sekiranya pihak perempuan mempunyai saudara lelaki, hantarannya berupa *sanang* tersebut akan digunakan oleh keluarga itu sebagai *nopung* kepada bakal isterinya atau dalam bahasa Kadazan Dusun ‘*potungkuson kumaa di tobpinai dau do kusai*’. Perkahwinan anak perempuannya akan dibuat secara besar-besaran berserta dengan upacara-upacara adat untuk menghormati dan menghargai jasa-jasanya semasa bersama dengan keluarganya. Anak perempuan masyarakat Kadazan Dusun tradisional menyumbang segala tenaganya dalam membantu survival keluarga dari menjaga adik-adiknya sejak bayi, membantu kerja di ladang, menumbuk padi, *mooi sondot* atau menjual hasil tanaman melalui hutan rimba dan bukit bukau di pekan<sup>2</sup> dan sebagainya.

Menurut informan (Pn. Suilin Dasim, 76 tahun), perkahwinan masyarakat subetnik Dusun Bundu di kg. Bundu Tuhan harus berjalan tanpa sebarang petanda buruk berlaku atau dikenali sebagai *kadaaton*. Sekiranya berlaku kematian di kampung itu sebelum majlis perkahwinan, maka majlis tersebut akan ditangguh namun sekiranya kematian berlaku semasa majlis berlangsung, ianya perlu dihentikan seketika. *Bobolian*<sup>3</sup> akan dipanggil untuk *momurinait* atau membaca mantera bagi membebaskan pasangan dan seluruh keluarga daripada terkena bencana. Beberapa pantang larang perlu dipatuhi oleh mempelai sepanjang tempoh perkahwinan iaitu tidak dibenarkan memakan buah-buahan yang masam seperti buah limau, mangga dan *bahab*. Mereka juga tidak dibenarkan memakan sayur-sayuran seperti jantung pisang dan *tawadak*<sup>4</sup>. Makanan seperti ini dikhuatir akan mengganggu sistem reproduksi kedua-dua mempelai.

---

<sup>2</sup> Aktiviti *mooi sondot* dilakukan oleh masyarakat Kadazan Dusun yang tinggal di lereng banjaran Crocker seperti dari Kg. Bundu Tuhan, Ranau. Mereka akan menjual hasil tanamannya di pekan Tamparuli dan Tuaran (lihat catatan Rutter, 1985 tentang ‘*Trade and Barter*’ muka surat 127-134).

<sup>3</sup> Bomoh atau pawang (Dayu, 2008 :94-95, *bobolian* sebagai pakar dalam ilmu roh dan kuasa ghaib dan dianggap sebagai doktor dalam pengubatan penyakit. *Bobolian* juga dianggap ketua dalam suatu upacara keagamaan. *Bobolian* sangat dihormati dan disegani dalam masyarakatnya).

<sup>4</sup> Labu manis

Berdasarkan pengalaman informan (Pn. Lombi Gungkat, 75 tahun), adat *mongoi panau* yang pernah dilaluinya sendiri dan juga orang kampungnya sekitar tahun 50-an diadakan pada waktu malam. Wakil dari pihak lelaki seramai tiga orang datang ke rumahnya dengan membawa sebuah *sanang* sekitar jam 3 petang. Wakil tersebut dilayan dengan baik oleh keluarga perempuan dengan diberi jamuan enak seperti makanan dan minuman tradisional (minuman itu terdiri daripada tapai yang memabukkan). Wakil yang dipilih haruslah dalam kalangan mereka yang mempunyai budi pekerti yang baik kerana pada ketika itulah keluarga pihak perempuan akan lebih mengenali sikap keluarga lelaki. Budi pekerti dapat diperhati semasa mereka diberi minum tapai sehingga mabuk dan muntah. Upacara bertolak ke rumah pengantin lelaki akan bermula pada waktu malam dengan iringan puisi seperti pantun khusus untuk perkahwinan yang dipanggil *tondiadi*. Henry (2014), menamakannya dengan istilah *polintuhun*. Sebelum memijak tanah, pihak perempuan akan melantunkan puisi *tondiadi* sebagai ungkapan pendinding dan peringatan kepada pengantin perempuan. Bait *tondiadi* itu adalah seperti berikut:

<i>Wonsoi totobon do taan</i>	Terbukalah pintu langit
<i>id sungkad do solianon</i>	di gerbang laluan
<i>i purinding ku lo'i oton</i>	pendinding ku untuk si <i>oton</i> <sup>5</sup>
<i>do kosusut do rondomon.</i>	menyusup gelap gelita.
<i>Oton pananom po'd siot</i>	Tanam dulu <i>siot</i> <sup>6</sup> <i>oton</i>
<i>do siot nu panatadon</i>	<i>siot</i> untuk asal usul
<i>sorou no pihuyan nu lohing</i>	ingat lelah tua mu
<i>do daamot nu mooii wagu.</i>	tatkala engkau ambil yang baru.

(sumber: Pn. Lombi Gungkat, Kg. Bundu Tuhan, Ranau)

Selain daripada ahli keluarga pengantin perempuan, rakan-rakannya turut berasa kehilangan rakan mereka. Anak gadis masyarakat Kadazan Dusun tradisional mempunyai ikatan

---

<sup>5</sup> Panggilan manja untuk anak perempuan.

<sup>6</sup> Sejenis tumbuhan berupa kayu yang biasanya digunakan sebagai tangkal oleh masyarakat Kadazan Dusun tradisional.



persahabatan yang sangat erat. Mereka bersama-sama mengambil kayu api, mengambil air, mencuci kain baju, menumbuk padi, membuat tapai, ke ladang, *mooi sondot* dan sebagainya. Keakraban mereka terserlah apabila mereka tidak memanggil nama rakan-rakannya dengan menggunakan nama sebenar. Mereka akan menggunakan nama panggilan atau *piowitan* seperti Adi, Aka, Kolugus dan sebagainya. Persahabatan yang sangat erat melahirkan frasa seperti *ponompinganon po romou* (Pn. Ligian, Kg. Kinasaraban Ranau yang dipetik dalam Erbiee, 2014), yang merujuk kepada ratapan rakan-rakan pengantin perempuan yang diumpama sepiring cucuran air mata. Dengan deraian air mata, mereka akan mengungkapkan puisi berikut:

<i>Miwongkos kito 'i adi'</i>	Adik kita saling mengikat
<i>korikot nogi sosodopon</i>	pabila senja tiba
<i>timbagos niad nu ii</i>	ikatan engkau leraikan

<i>Natalup no tompok to 'i adi</i>	Adik dah pudar hujung kita
<i>pinitabangan to konihab</i>	kerja kita semalam
<i>gulion ku nopo da iri</i>	jika ku ingat kembali
<i>om poturuon ku 'i romou</i>	air mata ku titiskan

(Sumber: Pn. Sianim Bt. Solimbot, Kg. Lokub, Kiulu yang dipetik dalam Irwanah, 2012)

Pengantin perempuan akan diarak ke rumah pengantin lelaki. *Tata* atau jamung akan digunakan untuk menerangi jalan. Sepanjang jalan, rombongan akan *mogondiadi* secara berbalas-balas. *Tondiadi* semasa dalam perjalanan adalah seperti berikut:

<i>Mili-kili roun do sibu</i>	Melambai-lambai daun <i>sibu</i> <sup>7</sup>
<i>id tanga do tindalanon</i>	di tengah perjalanan
<i>i purinding ku lo 'i oton</i>	pendinding ku untuk si <i>oton</i>
<i>do kosusut do rondomon.</i>	menyusup gelap gelita.

---

<sup>7</sup> Sejenis tumbuhan yang digunakan sebagai ubat-ubatan.

Dalam perjalanan ke rumah pengantin lelaki, rombongan akan melalui perumahan orang kampung. Kebanyakan masyarakat kampung mengetahui rombongan *mongoi panau* akan melalui kawasan rumah mereka. Penghuni rumah akan bersedia di beranda rumah masing-masing untuk mengalu-alukan rombongan tersebut. Rombongan akan melafazkan *tondiadi* yang sesuai dengan situasi pada ketika itu seperti berikut:

<i>Kada kou podtiga oi dayang</i>	Jangan kamu menjengah dara
<i>do oikuman ilo'i oton</i>	<i>oton</i> berasa malu
<i>ta' ii kikirilib'd tinan</i>	tiada selendang di badan.

Tuan rumah yang berada di beranda akan membalas *tondiadi* itu seperti berikut:

<i>Mantad toi'd modtiga oku</i>	Adakah saya menjengah ini
<i>toi moningayam do rilib</i>	nak melihat selendang
<i>bayu ma'd kalalangadan</i>	Hanyalah kerinduan
<i>do tuhup dot kosondoton.</i>	bantu tempat ditujui.

Apabila sampai ke perkarangan rumah pengantin lelaki, rombongan tersebut akan disambut dengan meriah. Menurut informan, sewaktu perkahwinannya, dia telah disambut dengan letupan bunga api namun acara seperti itu bukannya budaya asli masyarakat Kadazan Dusun di kampungnya. Wakil pengantin lelaki yang telah sedia menunggu di halaman rumah akan memaklumkan kepada tuan rumah iaitu ibu bapa pengantin lelaki tentang ketibaan pengantin perempuan dengan ungkapan *tondiadi* berikut:

<i>Pongisan kou'i manawalai</i>	Bersedialah kamu tuan rumah
<i>do ootungan do tinggoron</i>	ditimpa oleh sang guruh
<i>insan ka po'd kadansaran</i>	apatah lagi jika terlanggar
<i>nga pomosuon o moningot.</i>	tebuan akan menggigit.

Pihak perempuan akan membalas *tondiadi* daripada pihak lelaki itu dengan:

<i>Oton ponolokoi no 'd walai</i>	Masuklah oton dalam rumah
<i>do walai 'd turu sonsusun</i>	rumah tujuh lapisan
<i>pamakabai-kabai no kama</i>	berpegang-peganglah
<i>do rugading polumboting.</i>	<i>do rugading polumboting</i> <sup>8</sup>

(pengantin perempuan diminta berjaga-jaga dengan tingkah lakunya kerana keluarga pengantin lelaki tersebut dalam kalangan orang berada)

<i>Momili mantad da sayoi</i>	Hendak memilih <i>sayoi</i> <sup>9</sup>
<i>kolumpisau tunturu</i>	berjari burung merpati
<i>polimbotusai lo 'i oton</i>	terpilih pula si <i>oton</i>
<i>nobobou 'd dayang kisi.</i>	anak dara bisu.

(pihak lelaki sebenarnya hendak memilih bakal isteri dalam kalangan orang yang cantik dan bijak pandai tetapi terpilih pula pengantin perempuan yang tidak cekap)

Tondiadi tersebut kemudian akan dibalas oleh pihak lelaki:

<i>Mantad toi 'd monginsuduon</i>	Dari mencari kayu apikah
<i>do mokiraan toi 'd monggis</i>	hanya mengambil dahan <i>monggis</i> <sup>10</sup>
<i>hampanan homporon ku ii</i>	<i>hampanan homporon</i> <sup>11</sup> ku ii
<i>do gimpuyut om poposon.</i>	<i>do gimpuyut</i> <sup>12</sup> om <i>poposon</i> <sup>13</sup> .

---

<sup>8</sup> *Rugading* merujuk kepada sejenis bambu yang berjalur atau *burisan*. Menurut kepercayaan masyarakat Kadazan Dusun, bambu jenis ini tidak boleh dimusnahkan sesuka hati kerana ada pantang larang yang perlu dipatuhi. Dalam konteks bait *tondiadi* di atas, *rugading* merujuk kepada kekayaan. Kata *polumboting* pula bermaksud terhampar atau terpampang.

<sup>9</sup> *Sayoi* bermaksud orang yang berilmu seperti *bobolian*.

<sup>10</sup> *Monggis* ialah sejenis kayu yang berkualiti untuk dibuat rumah apatah lagi untuk kayu api.

<sup>11</sup> *Hampanan homporon* adalah perkataan yang sama atau *mibalaan-balaan* untuk mengindahkan bahasa. Frasa *hampanan homporon ku ii* bermaksud saya tidak memilih....

(memilih isteri tidak boleh disamakan seperti mencari kayu api; meskipun seseorang itu tidak memiliki apa-apa, pihak lelaki sedia menerimanya)

Selepas mendengar balasan daripada pihak lelaki, wakil daripada pengantin perempuan akan mengingatkan pengantin perempuan dengan *tondiadi* berikut:

<i>Oton ponondot no kama</i>	Baik-baiklah engkau <i>oton</i>
<i>do baang do maran-ngaran</i>	di sungai kenamaan
<i>dahi' no'd kopodtungoliu</i>	jaga-jagalah dari beralih
<i>do baang ta'i' ngaran.</i>	di sungai tak bernama

(uruslah diri dengan baik semasa berada dalam keluarga yang dihormati dan disegani; hindarkan diri daripada terkahwin lelaki lain yang tidak dihormati dan disegani)

Selesai berbalas pantun, rombongan perempuan itu akan dijemput naik. Pengantin perempuan akan didudukkan di atas *timpohon* (kerusi kayu yang rendah). Pengantin lelaki pula tidak dibenarkan berada di rumahnya pada masa itu. Rombongan pengantin perempuan akan dijamu makanan yang enak dan minuman yang memabukkan sehingga kenyang. Semasa upacara *mongoi panau*, adab sopan sangat diberi perhatian. Tidak ada wakil daripada kedua-dua mempelai yang cuba membuat onar dalam majlis tersebut meskipun mabuk. Menurut informan (Pn. Lombi Gungkat), tapai-tapai yang disediakan oleh tuan rumah dalam beberapa buah tajau adalah dimanterai atau *numaan dopitanai* bagi mengelakkan perkara yang tidak baik daripada berlaku seperti pergaduhan, bercakap semborono dan sebagainya.

Pada malam *mongoi panau* itu, mempelai tidak dibenarkan tidur bersama. Pengantin perempuan akan tidur dengan ditemani oleh teman-teman perempuan dalam rombongannya.

---

<sup>12</sup> *Gimpuyut* merujuk kepada aktiviti membersihkan hutan atau *rumilik*, rumput-rumput atau kayu-kayu kecil akan ditebas terlebih dahulu sebelum kayu besar ditebang.

<sup>13</sup> *Poposon* merupakan kata kerja menebas atau menebang. Berdasarkan bait *tondiadi* di atas, *poposon* merujuk kepada menebas atau menebang apa-apa sahaja kayu yang ada semasa aktiviti *rumilik*. Sekiranya mengambil kayu api, masyarakat Kadazan Dusun tradisional akan mengambil apa-apa sahaja kayu api sama ada bersaiz besar ataupun kecil.

Keesokan harinya, pengantin perempuan akan dihantar balik ke rumahnya oleh ibu pengantin lelaki bersama dengan empat wakil daripada pengantin lelaki. Pada kali ini, wakil tersebut terdiri daripada kaum perempuan. Pengantin perempuan akan mengemaskan pakaian dan barang-barang miliknya untuk dibawanya ke rumah bakal suaminya. Pada petang itu, sekali lagi pengantin perempuan diarak ke rumah bakal suaminya. Pada hari kedua ini, baharulah pengantin lelaki dan pengantin perempuan dipertemukan dan boleh tidur bersama. Mereka akan duduk bersama dan makan seperti biasa bersama-sama dengan rakan-rakan dan kaum keluarga. Memandangkan pasangan masyarakat Kadazan Dusun tradisional merupakan pilihan ibu bapa maka salah satu cara untuk menghilangkan rasa malu mempelai ialah dengan memberikan minuman yang memabukkan.

Selepas bergelar suami isteri, pengantin perempuan dibenarkan kembali dan tinggal bersama dengan ibu bapanya sehingga dia cukup bersedia untuk tinggal bersama di rumah keluarga suaminya. Hal ini pernah dialami oleh informan (Pn. Lombi Gungkat). Beliau sendiri kembali ke rumah orang tuanya untuk tempoh lebih kurang lima tahun. Walau bagaimanapun, suaminya akan selalu pergi melihatnya. Pugh (2012:89), mencatatkan bahawa pada zaman dahulu, jika pengantin perempuan berasa keberatan meninggalkan rumah dan ibu bapanya, suaminya akan memainkan organ mulut *sompoton* bagi membantu isterinya berasa lebih tenang dan bersedia mengikutnya pulang.

### ***Adat Miohon Pinesi***

Adat *miohon pinesi* atau bersuap-suapan ini ada pada semua masyarakat Kadazan Dusun cuma cara dan istilahnya sahaja yang mungkin berbeza. Istilah itu adalah seperti *misuwu*, *misuli* dan *mitambul* (Henry Bating, Facebook, 5 September 2015). Bagi masyarakat Kadazan Dusun di Kg. Bundu Tuhan dan di sekitarnya, upacara seperti ini tidak ditonjolkan. Mempelai hanya makan makanan yang dihidangkan seperti biasa bersama-sama dengan rakan-rakan dan kaum keluarga. Istilah *miohon pinesi* merupakan istilah yang dipinjam daripada subetnik Tangara di daerah Penampang dan sekitarnya untuk merujuk kepada upacara bersuap-suapan. *Miohon* bermaksud bertukar-tukar sementara *pinesi* bermaksud dikepal atau dimampat. Menurut Kadazan Dictionary (2011:86), *miohon pinesi* bermaksud *to exchange balls of rice (wedding)*.

Masyarakat Kadazan Dusun di daerah ini amat menitikberatkan adat ini sebagai simbolik dalam perkahwinan. Upacara tersebut merupakan satu simbolik penting dalam menempuh perjalanan kehidupan berumah tangga yang penuh dengan dugaan dan cabaran. Menyuaip makanan kepada pasangan dengan menggunakan tangan sendiri memberi impak terhadap hubungan yang intim, mesra, kasih sayang, sedia berkorban dan sebagainya. Nasi yang dikepal dan disuapkan ke mulut pasangan dengan menggunakan tangan sendiri mempunyai nilai sentimental. Tidak ada rasa kejiikan malah akan lebih menyentuh perasaan pasangan. Inti tersirat dalam adat *miohon pinisi* ialah kesediaan pasangan untuk saling menerima keberadaan masing-masing baik dalam suka mahupun duka. Hal ini diungkapkan oleh pembantu mempelai semasa pasangan bersuap-suapan:

*Akano to iti pinisi tanda do piginawaan om piupusan tu' miagal no ti pinisi piupusan kito sogiigisom poinpasi (Luke, 2012)*

(kita makan *pinisi* ini sebagai tanda saling mencintai dan mengasihi. Kita akan saling mengasihi selagi hayat sama seperti *pinisi* ini)

Luke (2012) dalam video youtube '*Kadazan Traditional Wedding Miohon Pinisi*' menggambarkan mempelai tersebut duduk di atas *kohobon* atau tikar mengkuang. Pengantin lelaki akan duduk bersila sementara pengantin perempuan akan duduk bersimpuh. Seorang pembantu<sup>14</sup> yang arif dalam upacara *miohon pinisi* akan melayani mempelai tersebut agar tatacaranya berjalan lancar. Makanan yang disediakan terdiri daripada sepinggan nasi, semangkuk sup ayam, dan sebotol *lihing*<sup>15</sup>. Nasi merupakan bahan utama dalam adat *miohon pinisi* sebagai simbolik sakral tuhan Kadazan Dusun yang bernama Kinoingan yang telah mengorbankan anak tunggalnya bernama Huminodun untuk menyelamatkan bangsa Kadazan Dusun daripada mati kebuluran. Dari tubuh Huminodun tumbuh padi dan tumbuhan lain yang boleh dimakan oleh masyarakat Kadazan Dusun. Mempelai akan mengambil sejempit nasi dan mengepalnya. Pasangan akan serentak menyuaipkan kepalan itu ke dalam mulut pasangan.

---

<sup>14</sup> Biasanya dijalankan oleh seorang wanita yang agak berumur.

<sup>15</sup> Air daripada nasi selepas melalui proses penapaian selama beberapa minggu atau bulan. *Lihing* yang baik mempunyai rasa pahit manis.

Selepas dimakan, baharulah diikuti dengan menyuap makanan lain seperti sup ayam, daging ayam dan sebagainya. Akhir sekali, pembantu mempelai akan menuangkan *lihing* ke dalam dua buah bekas atau gelas kecil. Pasangan tersebut akan serentak menyuakan minuman *lihing* ke mulut pasangan masing-masing. Upacara *miohon pinisi* selesai apabila mempelai itu bangun dari *kohobon* dan mereka akan mulai melayani ibu bapa dan keluarga kedua-dua pihak mempelai.

## **Kesimpulan**

Jennifer (1999), mengungkapkan bau-bauan, lambang-lambang, nyanyian, tarian, dan pujian-pujian dalam tradisi sebagai ritus intensifikasi atau ritual penyeimbang untuk melindungi dusun, untuk meminta hujan, matahari atau kesuburan atau untuk mempersiapkan jalan bagi individu yang sedang melakukan sesuatu perjalanan yang jauh. Perkahwinan adalah suatu pilihan untuk hidup bersama dengan pasangan. Pasangan tersebut akan menempuhi suka dan duka dalam alam perkahwinan untuk suatu jangka masa tertentu atau pastinya pasangan mengharapkan perkahwinan tersebut kekal hingga ke jannah. Adat-adat seperti *mongoi panau* dan *miohon pinisi* adalah bau-bauan, lambang-lambang, nyanyian, tarian dan puji-pujian terhadap mempelai yang menjadi raja sehari dan seterusnya menjadi raja dan permaisuri dalam keluarga. Mereka akan menyebarkan bau-bauan yang harum mewangi untuk kelanjutan keturunannya. Tuntasnya, perkahwinan yang melalui upacara keagamaan, adat-istiadat dan mengikut landasan peraturan yang diterima oleh norma masyarakat akan memproduksi sebuah keluarga yang dirahmati.

## Rujukan

- Arena Wati. (1978). *Dusun satu tinjauan dalam konteks kepercayaan, kultus dan hukum adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbitan Yayasan Sabah.
- Dayu Sansalu. (2008). *Kadazandusun di Sabah Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Erbie Elby Justin. "Pisasawaan Tinaru Kadazan Dusun: Dusun Bundu". Tugas BDL3023 Kemahiran Komunikasi Bahasa Kadazandusun. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI: Tanjong Malim. September 2014.
- Ensiklopedia Dunia. (2005). Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia Malaysiana. (1996). Jilid 10. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Ensiklopedia Malaysiana. (1996). Jilid 1. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Ensiklopedia Global. (2001). Jilid 18. Kuala Lumpur: SmartGenie Corporation Sdn. Bhd.
- Irwanah Jusnin. "Taboi-aboi Kiulu". Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Menjejaki Warisan Etnik di Sabah. Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, FBK, UPSI & Muzium Adat Jelebu. Jelebu: Negeri Sembilan. Mei 2012.
- Pals, Daniel L. (1996). *Seven Theories of Religion: Dari Animisme E.B. Tylor, Materialisme Karl Marx hingga antropologi budaya C. Geertz*. Ali Noer Zaman (penterj.). Yogyakarta: Penerbit Qalam.
- Heffuency Jipines. "Pisasawaan Tinaru Kadazan Dusun: Dusun Labuk". Tugas BDL3023 Kemahiran Komunikasi Bahasa Kadazandusun. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI: Tanjong Malim. September 2014.
- Henry Bating. (Feb, 2014). Tradisi Mongoi Panau - Warisan jalinan kasih sayang dan persaudaraan. Diperoleh dari <http://kampungpamilaan.blogspot.com/2014/02/kasih-sayang-dan-persaudaran-dalam.html>
- Henry Bating. Makan Beradat 'Mitambul' Perkahwinan Callina Marcus dan Nattemius Andoh, Kg Paka Dua, Ranau. Diperoleh dari Facebook. 5 September 2015.
- Kadazan Dictionary. (2011). Penampang: Kadazan Society Sabah.
- Low, Kok On. (2005). *Membaca Mitos dan Legenda Kadazandusun*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Minah Sintian. “Kadaaton Tinaru Kadazandusun: Koubasanan Om Kotumbayaan Di Mongowit Korutumon? (*Petanda Buruk Dalam Masyarakat Kadazandusun: Amalan Dan Kepercayaan Yang Membawa Kemunduran?*)”. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Kadazan Dusun. Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu , FBK, UPSI & SMK Tun Fuad Stephen Kiulu, Tuaran. Julai 2013.
- Pugh, Jacqueline Kitingan. (2012). *Kadazan Dusun*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Ranjit Singh, D.S. (1981). “The Development of native administration in Sabah 1877-1946”. Dalam Anwar Sullivan & Cecilia Leong (eds.). *Commemorative history of Sabah 1881-1981* (m.s. 81-116). Kota Kinabalu: Sabah State Government.
- Raymond Boin Tombung (1997). “Sedikit tentang masyarakat Dusun dan kesusasteraannya”. Dalam Shamsuddin Jaafar (penyel.). *Sastera dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rutter, Owen. (1985). *The Pagans of North Borneo*. Singapore: Oxford University Press.
- Luke Ochee. (2012). *Kadazan Traditional Wedding Miohon Pinisi by Inai Evelyn Ebin*. [video].Diperoleh daripada <https://www.youtube.com/watch?v=bYrXteSswFc>

## **Temubual**

- Pn. Lombi binti Gungkat, 75 tahun Kg. Bundu Tuhan, ranau, Sabah, 20 Ogos 2014
- Pn. Suilin binti Dassim, 76 tahun, Kg. Bundu Tuhan, Ranau, Sabah, 20 Mac 2013.